

**SPR Beri Taklimat Mengenai PRU-13 Kepada Parti-parti Politik
Bernama
19 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 19 Julai (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hari ini memberikan taklimat mengenai pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) kepada pemimpin parti-parti politik.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata pada taklimat itu, SPR memberikan penerangan mengenai perubahan-perubahan yang akan dilaksanakan pada PRU-13 dan langkah yang telah diambil SPR termasuk dalam aspek pembersihan daftar pemilih dan perjalanan pilihan raya.

Justeru itu, katanya beliau menaruh harapan jika masih ada rasa tidak puas hati atau sebarang keraguan, kemukakan kepada SPR untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil dan bukan melaporkan kepada media sehingga menimbulkan persepsi negatif di kalangan rakyat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis taklimat SPR bersama pemimpin parti-parti politik di sini yang dihadiri kira-kira 142 wakil parti politik antaranya dari Umno, MCA, MIC, Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Cinta Malaysia (PCM), PAS dan DAP.

Abdul Aziz berkata SPR adalah sebuah badan bebas dan profesional serta bersedia menyediakan ruang secukupnya kepada semua pihak mengemukakan komen bagi membolehkan bersama-sama membantu SPR memastikan PRU-13 nanti adalah yang terbaik dan terbersih.

Mengenai pengundi di luar negara, Abdul Aziz berkata pelbagai usaha telah dilakukan SPR untuk mengalakkan mereka mendaftar sebagai pengundi tetapi sebaliknya sambutan masih dingin.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681903>

